

Azmin sokong Tun M hingga akhir penggal

UM - 30/7/2019 m/s: 10

Oleh **SOFIAN BAHAROM**
sofian.baharom@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 29 JULAI**

PERTEMBUGAN antara Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Datuk Seri Anwar Ibrahim semakin terbuka apabila Timbalan Presiden PKR itu mengalu-alukan keputusan Pas untuk memberikan dukungan penuh kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri sehingga akhir penggal.

Pendirian itu dilihat jelas bertentangan dengan kesepakatan Pakatan Harapan (PH) yang mensyaratkan Dr. Mahathir untuk menyerahkan jawatan pemimpin nombor satu negara itu kepada Anwar dalam tempoh dua tahun.

Dalam satu kenyataan, Mohamed Azmin yang juga Menteri Hal Ehwal Ekonomi menegaskan, pendirian beliau itu adalah seiring pandangan yang pernah dilontarkannya supaya usaha mengembalikan kegemilangan negara dapat direalisasikan dengan segera.

Menurutnya, dukungan bipartisan terhadap Perdana Menteri merupakan lembaran



MAHATHIR MOHAMAD



MOHAMED AZMIN ALI



ANWAR IBRAHIM

baharu dalam politik Malaysia di mana kepentingan rakyat diberikan keutamaan dan ini telah ditampilkan dalam meluluskan pindaan Perlembagaan yang menurunkan had usia mengundi pilihan raya kepada 18 tahun.

Sokongan tersebut tampaknya, adalah bukti keyakinan terhadap kepemimpinan Dr. Mahathir yang berhemah tinggi sesuai dengan perannya sebagai negarawan ulung negara.

“Kepemimpinan Dr. Mahathir diperlukan untuk menjamin kestabilan, kesinambungan dan ketuntasan (*consistency*) dasar-dasar kerajaan bagi merangsang pelaburan, mencipta peluang-peluang pekerjaan serta ke-

kayaan untuk semua.

“Saya yakin kestabilan politik akan menjaga keutuhan dasar dan kebijakan negara termasuk konsep *shared prosperity* (kemakmuran bersama) yang bakal mengembalikan Malaysia sebagai Harimau Asia,” katanya di sini hari ini.

Pendirian Mohamed Azmin itu juga menunjukkan wujudnya perang terbuka antara beliau dengan kepemimpinan Anwar sebagai Presiden PKR selepas Ahli Parlimen Gombak tersebut dan Naib Presiden PKR, Zuraida Kamarudin tidak menghadiri pemukiman parti di Port Dickson, Negeri Sembilan minggu lalu.

Ketidakhadiran kedua-dua mereka mencetuskan spekulasi

pertembungan di dalam PKR semakin memuncak memandangkan pemukiman itu diadakan ketika parti berada dalam krisis.

Mohamed Azmin sebelum ini secara terbuka meminta Anwar bermuhasabah dan mencerminkan diri berikutan kenyataan Presiden PKR itu yang berpendapat Menteri Hal Ehwal Ekonomi tersebut perlu meletakkan jawatan jika video seks dikaitkan dirinya itu adalah tulen.

Ketika berucap di hadapan kira-kira 3,000 penyokongnya di kediaman rasmi Menteri Besar Selangor baru-baru ini pula, Mohamed Azmin memberitahu beliau tahu siapakah dalang utama di sebalik penyebaran video seks sejenis yang dikaitkan dengan dirinya.

Beliau turut berkata: “Biarlah saya sebatang kara, biarlah saya berdepan dengan orang atau pun manusia yang pernah saya kenali sebelum ini, tetapi kesetiaan kita ada batasnya.

“Saya setia kepada kebenaran dan keadilan, saya akan tetap perjuangkan keadilan dan kebenaran, bukan untuk keluarga saya tetapi saya mahu rakyat Malaysia, umat Islam dan orang Melayu mendapat pembelaan yang sewajarnya.”